

BAB 11: KITAR SEMULA

1. Padankan elemen dalam kitar semula dengan keterangannya yang betul.

Elemen dalam kitar semula (3R)	Keterangan
<i>Reduce</i> (kurangkan)	Penggunaan semula barangan berulang kali supaya pembuangan sisa pepejal dapat dikurangkan
<i>Reuse</i> (guna semula)	Pengurangan kuantiti sisa melalui amalan mengurangkan penggunaan sumber semula jadi
<i>Recycle</i> (kitar semula)	Mengasingkan barangan mengikut jenis untuk menghasilkan produk yang sama atau baharu

2. Nyatakan **BETUL** atau **SALAH** bagi pernyataan tentang kepentingan amalan kitar semula di bawah.

- (a) Memaksimumkan penggunaan sumber semula jadi
- (b) Menjana pendapatan melalui penghasilan baja kompos
- (c) Menambahkan kesan rumah hijau
- (d) Mewujudkan persekitaran yang sihat dan selesa
- (e) Meningkatkan kadar pencemaran akibat pengurusan yang sistematik

3. Tentukan elemen kitar semula sama ada **Reduce/ Reuse/ Recycle** berdasarkan aktiviti berikut.

Membawa bekas makanan sendiri untuk membungkus makanan

Tayar lama dihias untuk dijadikan pasu tanaman

Mendermakan pakaian yang masih elok kepada golongan yang memerlukan

Menggunakan tuala kecil bagi menggantikan tisu

Mengasingkan sisa mengikut kategori tong kitar semula yang disediakan

Menggunakan teknologi seperti e-mel berbanding menggunakan kertas

Membuat bekas alat tulis daripada boto; plastik

Sisa pertanian dijadikan bahan lain seperti baja untuk tanaman